



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

17 APRIL 2026 (JUMAAT)

Lelaki Rendam Anjing ditahan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	10	17 April

Lelaki rendam anjing ditahan

Shah Alam: Seorang lelaki ditahan selepas dipercayai melakukan penganiayaan terhadap seekor anjing dengan merendam haiwan itu dalam tangki berisi air di tapak pembinaan di Seksyen 32, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Ramsay Embol berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu jam 2.14 pagi daripada orang awam yang melihat video di TikTok.

“Kandungan video itu memaparkan seorang lelaki

bertindak kasar merendam seekor anak anjing dalam sebuah tangki berisi air.

“Bertindak atas maklumat, pada jam 3.40 petang (kelmarin), polis menahan seorang lelaki disyaki warga tempatan berumur awal 20-an di lokasi kejadian.

“Semasa tangkapan dibuat, tiga anjing turut dirampas bersama suspek dengan bantuan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kes disia-

sat mengikut Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara tiga tahun, manakala Seksyen 428 Kanun Keseksaan membawa hukuman maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Katanya, mana-mana individu yang mempunyai maklumat lanjut boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Laymand Rayne di talian 014-6907071.

Lelaki Ditahan Rendam Anak Anjing Di Shah Alam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Berita Sarawak	Dalam Talian	16 April



Kes disiasat bawah Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 428 Kanun Keseksaan

SHAH ALAM, 16 April – Seorang lelaki dipercayai warga tempatan ditahan kerana melakukan penganiayaan terhadap haiwan dengan merendam seekor anak anjing ke dalam sebuah tangki berisi air di Seksyen 32 di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, ACP Ramsay Embol berkata, lelaki berusia lingkungan 20-an itu ditahan di sebuah tapak pembinaan pada pukul 3.40 petang, selepas pihak polis menerima laporan orang awam yang

melihat video insiden berkenaan di platform media sosial, TikTok.

“Semasa tangkapan dibuat, tiga ekor anjing turut dirampas dengan bantuan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat bawah Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 428 Kanun Keseksaan,” katanya menerusi satu kenyataan.

Mana-mana pihak yang

mempunyai maklumat lanjut berkaitan insiden itu boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Laymand Rayne melalui talian 014-6907071.

Terdahulu, tular satu video berdurasi 22 saat memaparkan seorang lelaki bertindak merendam seekor anak anjing ke dalam sebuah tangki berisi air.-[BERITARTM](#)

Lelaki Tular Rendam Anjing Dalam Tangki Berisi Air Ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	News	Dalam Talian	16 April



Tangkap layar video tular menunjukkan suspek menganiaya seekor anjing dengan merendam haiwan terbabit dalam tangki berisi air di Shah Alam.

PETALING JAYA: Seorang lelaki ditahan polis semalam selepas disyaki menganiaya seekor anjing dengan merendam haiwan terbabit dalam dalam tangki berisi air di sebuah tapak pembinaan di Seksyen 32, Shah Alam.

Ketua Polis Shah Alam, Ramsay Embol, berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu pada 2.14 pagi daripada orang awam yang melihat video itu di TikTok.

“Kandungan video tersebut

memaparkan seorang lelaki bertindak kasar merendam seekor anak anjing ke dalam sebuah tangki berisi air.

“Bertindak atas maklumat, kira-kira jam 3.40 petang hari, pihak polis menangkap seorang lelaki disyaki warga tempatan berusia awal 20-an di kawasan lokasi kejadian.

“Semasa tangkapan dibuat, tiga ekor anjing turut dirampas bersama suspek dengan bantuan kehadiran pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk

tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan, menurut Harian Metro.

Menurutnya, kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

“Mana-mana individu yang mempunyai maklumat lanjut boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Laymand Rayne di talian 014-6907071,” katanya.-

FMT

Lelaki Ditahan Rendam Anak Anjing Dalam Tangki Berisi Air

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	16 April



TANGKAP layar video tular memaparkan seorang lelaki merendam seekor anak anjing dalam tangki berisi air di sebuah tapak pembinaan di Seksyen 32. FOTO tular.

Shah Alam: Lelaki ditahan dipercayai melakukan penganiayaan terhadap seekor anjing dengan merendam haiwan itu dalam tangki berisi air di sebuah tapak pembinaan di Seksyen 32, di sini.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Ramsay Embol berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu jam 2.14 pagi daripada orang awam yang melihat video itu di aplikasi Tiktok.

memaparkan seorang lelaki bertindak kasar merendam seekor anak anjing ke dalam sebuah tangki berisi air.

"Bertindak atas maklumat, kira-kira jam 3.40 petang hari, pihak polis"Kandungan video tersebut memaparkan seorang lelaki bertindak kasar merendam seekor anak anjing ke dalam sebuah tangki berisi air.

"Bertindak atas maklumat, kira-kira jam 3.40 petang hari, pihak polis menangkap

seorang lelaki disyaki warga tempatan berusia awal 20-an di kawasan lokasi kejadian.

menangkap seorang lelaki disyaki warga tempatan berusia awal 20-an di kawasan lokasi kejadian.

"Semasa tangkapan dibuat, tiga ekor anjing turut dirampas bersama suspek dengan bantuan kehadiran pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara tiga tahun, manakala Seksyen 428 Kanun Keseksaan membawa hukuman maksimum tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Katanya, mana-mana individu yang mempunyai maklumat lanjut boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Laymand Rayne di talian 014-6907071.-

[MYMETRO](#)

Polis Tahan Lelaki Tular Aniaya Anjing Di Shah Alam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	15 April



Logo Polis Diraja Malaysia

KUALA LUMPUR – Polis menahan seorang lelaki disyaki warga tempatan berumur 20-an susulan video tular penganiayaan terhadap seekor anjing di sebuah tapak pembinaan di Seksyen 32, Shah Alam, Selangor, kira-kira 3.40 petang tadi.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, ACP Ramsay Embol berkata, dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, pihaknya turut merampas tiga ekor anjing bersama suspek di lokasi kejadian.

“Pihak polis telah menerima laporan berkaitan kejadian ini pada 15 April 2026 jam lebih kurang 2.14 pagi daripada orang awam yang melihat video tersebut di laman media sosial Tiktok.

“Kandungan video tersebut memaparkan (1)(L) bertindak kasar merendam seekor anak anjing ke dalam sebuah tangki berisi air,” katanya dalam satu kenyataan, malam ini.

Menurut beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 29 Akta

Kebajikan Haiwan 2015 yang membawa hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara 3 tahun, manakala Seksyen 428 Kanun Keseksaan membawa hukuman maksimum 3 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Tambahnya, mana-mana individu yang mempunyai maklumat lanjut boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Insp. Laymand Rayne di talian 014-6907071. - [Malaysiagazette](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR